



DR. MAHATHIR

Kenaikan harga barang dikawal

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa Kerajaan berusaha sedaya upaya mencegah kenaikan harga barang-barang, terutama barang keperluan terkawal.

Kejayaan mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan memerlukan kerjasama semua pengguna.

Di samping itu, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon, hari ini menyangkal spekulasi bahawa harga petrol akan naik minggu ini.

Pegawal-pegawai Jawatankuasa Harga Petroleum dari beberapa Kementerian sedang mengkaji issue tersebut.

Kajian tersebut termasuk memperinci kenaikan harga minyak di negara-negara jiran dan membandingkan peratus kenaikan mereka dengan Malaysia (lihat muka 2).

Datuk Seri Dr. Mahathir selepas merasmikan bengkel ke-

bangsaan mengenai kerjasama antara Industri, badan penyelidik dan universiti, berkata rakyat tidak harus panik mengenai kenaikan harga barang-barang.

Selanjutnya beliau menjelaskan, rakyat tidak seharusnya menjadi panik dan terpengaruh dengan secara psikologi mengenai kenaikan harga barang kerana keadaan demikian mengakibatkan penyorokan barang-barang tertentu.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, mungkin harga barang-

barang di negara ini naik sedikit tidak lama lagi. Bagaimanapun, kenaikan yang dramalkan itu tidak sehebat yang berlaku di luar negeri.

Beliau juga mengesahkan harga minyak akan naik dan keputusan mengenainya akan diambil tidak lama lagi.

Timbalan Perdana Menteri itu mengingatkan selengah golongan tidak "menaguk untung" berikutan kenaikan harga minyak itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia